

TARIKH	SELASA, 6 JUN 2023
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	UMT TAWAR PROGRAM ASASI STEM ANTARABANGSA MULAI OGOS
M/S	15
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

UMT tawar program Asasi STEM Antarabangsa mulai Ogos

KUALA NERUS – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bakal menawarkan program baharu, Asasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Antarabangsa mulai sesi kemasukan 2023/24, Ogos depan.

Naib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr. Mazlan Abd. Ghaffar berkata, program STEM Antarabangsa membuka ruang kepada pelajar asing untuk melanjutkan pelajaran di negara ini dari peringkat persediaan lagi.

“Pengenalan program baharu ini membuktikan keupayaan UMT untuk menawarkan kur-

sus berkualiti sesuai dengan kehendak global.

“Pelajar asing yang melepasi program Asasi STEM Antarabangsa bakal ditawarkan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi bermula dengan Ijazah Sarjana Muda di UMT,” katanya di sini semalam.

Program Asasi STEM Antarabangsa memberi fokus kepada asas sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik melibatkan tempoh pembelajaran selama tiga semester iaitu setahun.

Mazlan berkata, program tersebut juga membolehkan UMT

melakukan pengambilan pelajar antarabangsa secara terus bermula peringkat persediaan.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, UMT mempunyai beberapa program dwi-sarjana dengan beberapa institusi pengajian tinggi luar negara.

“Setakat ini, UMT telah mempunyai ‘Joint PhD’ (dwi-Sarjana Doktor Falsafah) bersama Ghent University, Belgium.

“Pelaksanaan ‘dwi-sarjana’ program bersama-sama Solent University, United Kingdom pula dalam peringkat pelaras peringkat akhir,” katanya.



MAZLAN (dua dari kiri) melawat sebuah gerai pameran pada Karnival Jom Masuk U Zon Timur di UMT, Kuala Nerus semalam.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM